BULETIN

# PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN

Bil. 1 / 2017

# SARAWAK



## Patah Tumbuh Hilang Berganti

## Mengukuhkan Perhubungan

### Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri Sarawak



# Isi Kandungan


Sekapur Sirih 2

Seulas Pinang 3

Sekalung Budi Segunung Ingatan 4

Patah Tumbuh Hilang Berganti 7

Penghormatan Terakhir 9

Program 'SUPS4U' 7

Kunjungan Hormat 14

Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi 17

Perkongsian Ilmu 27

Sumbangan Artikel 34

Aktiviti / Program 39

Sekalung Tahniah 46

Keratan Akhbar 47

Cahaya Mata SUP Sarawak 49

Pergerakan Pegawai 50



## Sidang Editor

**Penasihat**
YBhg. Datuk Mohd. Zuki Bin Ali

**Ketua Editor**
Norizan Bin Jili

**Penolong Editor**
Afidah Binti Sulong
Norhayati Binti Masri

**Grafik / Susunan**
Mohd. Shakri Bin Johari
Mohamad Huzaifah Hamdan

**Ahli-ahli**
Lavinia Clarissa Anak Jusueb
Cynthia Benedict Poris
Wazi Bin Seman
Julia Binti Johari
Faridah Binti Mohamad Othman
Vicki Christine Anak Vincent Ahang

# Sekapur Sirih



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**SALAM SEJAHTERA DAN SALAM NEGARAKU MALAYSIA**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas keizinanNya Buletin Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak Edisi 1 Tahun 2017 berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Sidang Editor dan warga pejabat SUP Sarawak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan penerbitan buletin ini.

Masa berlalu begitu pantas dan kita telah melangkah ke separuh tahun ke 2 dalam tahun 2017. Sepertimana kita sedia maklum, tahun 2017 merupakan "*Year of Delivery*", tahun pelaksanaan dan tahun penyampaian dan ia harus dijadikan sebagai bidang keutamaan dan fokus pada tahun ini. Oleh itu, sebagai penjawat awam, kita hendaklah melaksanakan amanah yang diberikan dengan menyampaikan perkhidmatan yang lebih jitu untuk rakyat sejajar dengan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam dengan menerapkan elemen sentuhan kemanusiaan di setiap perkhidmatan yang disalurkan.

Kita juga diingatkan untuk sentiasa berintegriti tinggi dalam menjalankan tugas dengan amanah dan bertanggungjawab. Janganlah mengharapkan balasan di atas tugasan yang dilaksanakan.

Kita juga digalakkan untuk berfikir secara inovatif dalam menghasilkan pendekatan kreatif memudahkan urusan kerja, memudahkan rakyat dan pada masa yang sama meningkatkan produktiviti.

Akhir kata, saya menyeru semua penjawat awam khususnya jabatan/ agensi persekutuan di Sarawak untuk terus fokus dan meningkatkan momentum dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**DATUK MOHD ZUKI BIN ALI**
Setiausaha Persekutuan Sarawak

# Seulas Pinang



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**SALAM SEJAHTERA DAN SALAM NEGARAKU MALAYSIA.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita telah berjaya menerbitkan Buletin Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak Edisi 1 Tahun 2017. Setinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada seisi warga Sidang Editor Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan penerbitan buletin ini.

Tema yang dipilih pada kali ini bertepatan dengan usaha-usaha mentransformasi warga agar lebih berinovasi dan kreatif dalam melaksanakan tugas seharian dengan tuntutan dari *stakeholder* dan juga rakyat yang semakin mencabar dan perlu dilaksanakan dengan cepat dan maklumat yang tepat. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada seluruh warga Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan selamat maju jaya bagi setengah tahun 2017 ini.

Sekian, terima kasih.

**NORIZAN BIN JILI**
Ketua Editor

# Sekalung Budi Segunung Ingatan



YBhg. Datuk Haji Md Yahaya Basimin telah bertugas dan menjejakkan kaki ke Sarawak Bumi Kenyalang sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak mulai 15 Disember 2008. Beliau merupakan Setiausaha Persekutuan Sarawak yang ke 16 menggantikan YBhg. Dato' Ngah Senik yang telah dinaikkan pangkat sebagai Pengerusi di Suruhanjaya Pilihan Raya. YBhg. Datuk Haji Md Yahaya Basimin telah menamatkan perkhidmatan pada 12 Ogos 2016 dan kini beliau telah dilantik sebagai salah seorang ahli di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sepanjang berkhidmat di Sarawak selama 7 tahun 7 bulan 28 hari , beliau telah dilantik menjadi beberapa ahli Lembaga seperti Ahli Lembaga Yayasan Sarawak, Ahli Lembaga Tabung Amanah Bakun Sarawak, Pengerusi Lembaga Rayuan Lembaga Pelesenan Perdagangan Kenderaan Sarawak, Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Cawangan Sarawak, dan Timbalan Yang Dipertua MAKSAK Sarawak.

**Anugerah Yang Diperolehi**

2010 - Pengurniaan Gemilang Bintang Kenyalang dengan Gelaran Panglima Gemilang Bintang Kenyalang yang membawa Gelaran Datuk - Pingat Bintang Kenyalang.

2014 - Pengurniaan Darjah Setia Pengkuan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran Dato' sempena Sambutan Harijadi yang ke 76 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang .

2017 - Penganugerahan Pingat Bakti Jubli Emas (P.B.E) (Perak) oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Sekalung penghargaan diucapkan kepada beliau di atas segala khidmat dan sumbangan yang telah beliau curahkan sepanjang menjadi Setiausaha Persekutuan Sarawak. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas jasa baik beliau.

# Sekalung Budi Segunung Ingatan

## KRONOLOGI PERKHIDMATAN

**9 Jan 1984 - 30 Sept 1988**
Penolong Setiausaha
Bahagian Analisa Ekonomi dan Antarabangsa,
Kementerian Kewangan



**1 Okt 1998 - 5 Sept 1991**
Penolong Pegawai Daerah (Tanah)
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Melaka

**23 Ogos 1993 - 18 Jan 1998**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pelaburan, Kementerian Kewangan

**19 Jan 1998 - 5 Jun 1999**
Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Pentadbiran,
Kementerian Kewangan

**7 Jun 1999 - 15 Mac 2000**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pelaburan, Kementerian Kewangan

**16 Mac 2000 - 31 Dis 2003**
Associate Expert
Unit Public Management and Human Resource Development and Urban Development Programme,
Asia and Pacific Development Centre (APDC), Kuala Lumpur

**1 Jan 2004 - 15 Jan 2006**
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Belanjawan, Kementerian Kewangan

**16 Jan 2006 - 15 Okt 2006**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan dan Perancangan Korporat,
Kementerian Kerja Raya

**16 Okt 2006 - 27 Jan 2008**
Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sabah, Kementerian Pengangkutan

**28 Jan 2008 - 14 Dis 2008**
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi (UPEN)
Unit Perancang Ekonomi,
Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**15 Dis 2008 -12 Ogos 2016**
Setiausaha Persekutuan Sarawak
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak,
Jabatan Perdana Menteri



# Sekalung Budi Segunung Ingatan













# Patah Tumbuh Hilang Berganti

Patah tumbuh silih berganti, begitulah perumpaan yang dapat digambarkan oleh semua warga Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak apabila YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali dilantik menjadi Setiausaha Persekutuan Sarawak yang ke 17 berkuatkuasa mulai 13 Ogos 2016. Beliau menggantikan YBhg. Datuk Haji Md Yahaya Basimin yang telah bersara wajib pada 12 Ogos 2016 yang lalu.

YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali berkelulusan Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Beliau telah menyertai dan memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1992. Sebelum dilantik menjadi Setiausaha Persekutuan Sarawak, beliau merupakan Ketua Pengarah di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri. Semoga dengan kepimpinan YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak akan terus kekal mampan dan usaha merapatkan hubungan kerjasama di antara jabatan/agensi persekutuan dan Negeri di Sarawak akan dapat diteruskan.



# Penghormatan Terakhir

إنا لله وإنا إليه راجعون



Al-Fatihah
Allahyarham Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem
Ketua Menteri Sarawak ke 5
27 Januari 1944 - 11 Januari 2017



12 Januari 2017- Setiausaha Persekutuan Sarawak mengiringi Ketua Setiausaha Negara memberi penghormatan terakhir kepada allahyarham di Masjid Jamek, Petra Jaya Kuching.





13 Jun 2017- Setiausaha Persekutuan Sarawak bersama warga Pejabat SUP Sarawak menziarahi Pusara Allahyarham Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem .

# Program 'SUPS4U'

## 9 MAC 2017 - SEMBANG PETANG YBHG. DATUK SETIAUSAHA PERSEKUTUAN BERSAMA JABATAN/ AGENSI KESELAMATAN DI SARAWAK



### PROGRAM SEMBANG PETANG

- Program tidak formal "sembang petang" YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali merupakan program yang dianjurkan bersama-sama dengan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Majlis Keselamatan Negara Negeri Sarawak. Ia merupakan medium untuk jabatan/ agensi persekutuan berkongsi dan mengemukakan isu-isu semasa berkaitan dengan keselamatan. Dalam pada itu, ia juga dapat merapatkan hubungan di antara jabatan/ agensi persekutuan di Sarawak.

- Jabatan yang menyertai program ini adalah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pegawai Perisikan Tentera, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Sarawak dan Jabatan Penerangan Malaysia.





# Program 'SUPS4U'

## 12 MEI 2017 - TAZKIRAH MARHABAN YA RAMADHAN - CERAMAH KELUARGA BAHAGIA, MASYARAKAT SEJAHTERA BERSAMA JABATAN/ AGENSI PERSEKUTUAN DI SARAWAK




### PROGRAM SEMBANG SANTAI

- Tazkirah Marhaban Ya Ramadhan Ceramah Keluarga Bahagia, Masyarakat Sejahtera yang disampaikan oleh Ustaz Ismail Maharup dan Ustazah Hanisah Binti Nahrawi dianjurkan bersama oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sarawak pada 12 Mei 2017 (Jumaat) disertai oleh 234 peserta dari pelbagai Jabatan / Agensi Persekutuan di Sarawak.










# Program 'SUPS4U'

## MAJLIS PERJUMPAAN YANG BERHORMAT TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SARAWAK DAN YANG BERBAHAGIA DATUK MOHD ZUKI BIN ALI, SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK BERSAMA KETUA JABATAN/ AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK

### ACARA MAJLIS PERJUMPAAN

- Penceramah: Encik Abdul Rahim Bin Haji Abol
- Di antara pengisian majlis adalah pemberian sumbangan kepada lima (5) buah keluarga yang kurang bernasib baik dan berkemampuan. Di samping itu, Solat Maghrib, Jamuan Makan Malam, Solat Isyak dan Solat Sunat Terawih berjemaah turut diadakan pada majlis tersebut.
- Turut hadir adalah Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri YBhg. Datuk Seri Ahmad Zaki Ansore Mohd Yusof, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, YBhg. Datu Jaul Samion, Pesuruhjaya Polis Sarawak, YBhg. Datuk Mazlan Mansor, Panglima 1Divisyen Infranti Malaysia, Mejar Jeneral Datuk Stephen Mundaw dan Ketua-ketua Jabatan dan agensi Persekutuan.










# Program 'SUPS4U'

## 16 JUN 2017 - PROGRAM IHYA RAMADAN BERTAJUK "ANDAI INI RAMADHAN TERAKHIRKU"



### PROGRAM IHYA RAMADHAN

- Program Ihya Ramadhan yang bertajuk "Andai ini Ramadhan Terakhirku" yang disampaikan oleh Encik Abdul Rahim Bin Haji Abol dianjurkan bersama oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sarawak pada 16 Jun 2017 (Jumaat) disertai oleh 138 peserta dari pelbagai Jabatan / Agensi Persekutuan di Sarawak.



# Program 'SUPS4U'

## 22 JUN 2017 - PROJEK RAMADHAN SADAQAH JARIAH

Projek Ramadhan Sadaqah Jariah dilaksanakan secara NBOS bersama warga Kompleks Persekutuan Kuching dan merupakan salah satu Program tanggungjawab sosial korporat (CSR).



Projek Ramadan 'Sadaqah Jariah'

JCHING:Pejabat Setiausaha ersekutuan Sarawak yang ketuai oleh Timbalan Setiau-iha Persekutuan Sarawak, orizam Jili menyantuni golon-in yang memerlukan melalui ojek Ramadan Sadaqah Jari-i yang dilaksanakan secara BOS bersama warga Kom-eks Persekutuan Kuching PK).

Penyerahan sumbangan erupa keperluan asas telah erlangsung di beberapa loka- yang berbeza iaitu di Pusat ebajikan Baitulrahmah dan beberapa buah keluarga di ekitar kawasan Petra Jaya, atok dan Tabuan yang terdi- daripada anak-anak mualaf an golongan asnaf.

Projek Ramadan Sadaqah ariah merupakan program nggungjawab sosial korporat CSR) yang julung kali diada-an. Ia akan diteruskan pada asa akan datang kerana den-an sumbangan yang dihulur-an sedikit sebanyak dapat eringankan beban sekaligus

da golongan yang memerlu-kan. Sumbangan barangan

hasil infak daripada warga KPK.

han tersebut adalah bebera pegawai Pejabat SUP Sarav serta warga KPK.

'SADAQAH'... Rombongan Projek Ramadan Sadaqah Jariah menempuh laluan titi untuk menyalurk sumbangan kepada keluarga di sekitar kawasan tabuan.



Projek Ramadan 'Sadaqah Jariah'

BERITA DI MUKA 6

SUMBANGAN... Timbalan Setiausah Persekutuan Sarawak Norizar (kanan) menyerahkan sumbanga kepada Mohd Al-Hasyir (tenga kiri) wakil penjaga Pusat Kebajika Baitulrahmah ketika menjalanka Projek Ramadan Sadaqah Jaria yang dilaksanakan secar NBOS bersama warga Komplek







# Kunjungan Hormat

## KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA MENTERI SARAWAK



**15 Ogos 2016 -** Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengadakan Kunjung Hormat kepada Allahyarham YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak .



**2 Februari 2017** - Setiausaha Persekutuan Sarawak membuat kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Abang Haji Openg di Pejabat Ketua Menteri, Wisma



**9 Januari 2017**

YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim

Pengarah, Unit Strategi Nasional (NSU), Kementerian Kewangan Malaysia Sarawak



**23 Januari 2017**

Encik Abdul Mutalib bin Abdul Rahman

Pengarah, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak



**1 Februari 2017**

Puan Norisal binti Saili

Pengarah, Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak



**1 Februari 2017**

Encik Sharul Nahar bin Jaafar

Pengarah Negeri, Bank Simpanan Nasional Sarawak

# Kunjungan Hormat



**8 Februari 2017**

YBhg. Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said

Pengurus Besar, Yayasan Budaya Melayu Sarawak



**8 Februari 2017**

Encik Osman bin Ismail

Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sarawak



**14 Februari 2017**

YM Tengku Azmi bin Tengku Majid

Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Sarawak



**15 Februari 2017**

Tuan Haji Abdul Azizi Bin Jusoh

Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sarawak



**1 Mac 2017**

KOL (PA) Mohtar Bin Samat

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sarawak



**2 Mac 2017**

Encik Kamaludin bin Daud

Pengarah, Politeknik Kuching



**2 Mac 2017**

Sr Kamil Bin Ariffin A.M.P,

Pengarah, Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak,

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)



**2 Mac 2017**

YBrs. Dr Jamilah Hashim

Pengarah, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

# Kunjungan Hormat



**3 Mac 2017**

Encik Jack Meredu Anak Ko

Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



**8 Mac 2017**

Encik Abang Sardon bin Abang Haji Hashim

Pengarah, Jabatan Penerangan Sarawak



**9 Mac 2017**

Encik Dirwana bin Haji Azool

Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak



**13 Mac 2017**

Tuan Haji Mohd Salleh bin Talib

Ketua Wilayah Bank Rakyat Sarawak



**27 Mac 2017**

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan

Timbalan Pengarah Kanan INTAN



**20 April 2017**

Tuan Haji Azahari Bin Mohd Raslan

Ketua Perangkaan (Ekonomi)



**17 Mei 2017**

Tuan Haji Rozimin Bin Ahamad Kamil,

Pengarah Lembaga Tabung Haji Sarawak



**29 Mei 2017**

Encik Sarbini Haji Hamdan,

Pengurus Besar Telekom Malaysia Berhad Wilayah Sarawak

# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## SESI PERJUMPAAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK BERSAMA KETUA JABATAN / AGENSI PERSEKUTUAN

### LAWATAN KERJA

- Sesi perjumpaan merupakan sesi secara bersemuka bagi mendapatkan maklumbalas ketua-ketua Jabatan peringkat bahagian berkenaan isu atau permasalahan yang dihadapi. Sesi ini dapat merapatkan hubungan erat penjawat awam persekutuan yang bertugas di seluruh Sarawak.

**23 Februari 2017** - Perjumpaan Bilangan 1 Tahun 2017 telah diadakan di Pejabat Residen Bintulu Sarawak.




Turut hadir Pegawai Kemajuan Negeri Sarawak, Pembangunan Pejabat Pembangunan Persekutuan Sarawak, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Pegawai Kewangan Persekutuan Perbendaharaan Malaysia Sarawak, Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak dan wakil daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.



Seramai 52 orang yang terdiri daripada 46 jabatan/ agensi persekutuan di Bintulu hadir ke sesi tersebut.

# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK BAGI RANCANGAN MALAYSIA KE 11

**23 Februari 2017** - SK Kem Batu 18, Bintulu.




**23 Februari 2017** - SK Sungai Tisang, Bintulu.



**23 Februari 2017** - Menaiktaraf Jalan Tg. Kidurong ke Samalaju Industrial Park.





Taklimat ringkas daripada pihak kontraktor berkaitan dengan projek.

# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## SESI PERJUMPAAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK BERSAMA KETUA JABATAN / AGENSI PERSEKUTUAN

### MESYUARAT RASMI

- Mesyuarat Ketua Jabatan / Agensi Persekutuan Sarawak merupakan satu platform diskusi bagi peringkat Persekutuan di Sarawak yang membincangkan perkara-perkara berkenaan masalah atau isu dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan Persekutuan yang dihadapi oleh jabatan dan agensi Persekutuan di negeri ini. Dalam masa yang sama, semua jabatan/ agensi diseru supaya meningkatkan kerjasama dalam membantu kerajaan Negeri membangunkan serta memajukan negeri Sarawak melalui bidang masing-masing. Setiausaha Persekutuan Sarawak selaku pengerusi mesyuarat menyarankan supaya jabatan/ agensi Persekutuan menggerakkan peranan sebagai agen perubahan di Sarawak dengan lebih pro-aktif.

- Tarikh : 28 Februari 2017
- Masa : 9.00 pagi
- Tempat : Auditorium, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching

### MESYUARAT PENYELARASAN KETUA-KETUA JABATAN/ AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK BILANGAN 1 TAHUN 2017




Encik Osman Bin Ismail, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sarawak, membentangkan Program / Aktiviti terkini SKM Tahun 2017









# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## MESYUARAT PENYELARASAN KETUA-KETUA JABATAN/ AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK BILANGAN 1 TAHUN 2017 (SAMB.)




Pengenalan Produk Salinan Dokumen Disahkan Benar (CTC) Secara Digital merupakan tajuk yang dibentangkan oleh Encik Adzman Bin Ahmad, Pengarah Negeri Suruhanjaya Syarikat Malaysia.




Taklimat Blue Ocean Entrepreneurs Township: Borneo 744 telah disampaikan oleh Encik Mohd Zahrain Bin Mohd Nor dari Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional.

## MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI (JKPI) AGENSI-AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK

### MESYUARAT RASMI

- Merupakan satu jawatankuasa dalam memberi pandu arah dan menyelaras usaha-usaha peningkatan kualiti di peringkat Agensi-Agensi Persekutuan negeri Sarawak. Ia juga merupakan mekanisma bagi agensi-agensi Persekutuan di Sarawak untuk mencadang, membincang serta merancang program-program dalam meningkatkan pengurusan kualiti dan inovasi di jabatan / agensi Persekutuan di Sarawak.

**6 April 2017** - Mesyuarat JKPI Bilangan 1 Tahun 2017 diadakan di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak
**Lokasi:** Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak



# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## LAWATAN KUALITI AGENSI - AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK

### LAWATAN KERJA

- Lawatan kualiti agensi-agensi persekutuan Sarawak diadakan sejurus Mesyuarat JKPI diadakan. Ahli-ahli jawatankuasa ini sama seperti ahli-ahli Mesyuarat JKPI.

**6 April 2017** - Lawatan Kualiti Agensi - Agensi Persekutuan Sarawak Ke Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak







Bersama-sama ahli jawatankuasa Lawatan Kualiti Agensi-agensi Persekutuan Sarawak.

# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## SESI PERJUMPAAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK BERSAMA KETUA JABATAN / AGENSI PERSEKUTUAN

**7 April 2017** - Perjumpaan Bilangan 2 Tahun 2017 telah diadakan di Pejabat Residen Mukah Sarawak.





Turut hadir Pegawai Kemajuan Negeri Sarawak dan Residen Bahagian Mukah.

## LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK BAGI RANCANGAN MALAYSIA KE 11

### LAWATAN KERJA

- Lawatan pemantauan projek bagi Rancangan Malaysia ke 11 merupakan salah satu lawatan bagi memantau prestasi serta kemajuan semasa projek/ status prestasi terkini serta isu-isu di tapak bagi sesebuah projek pembangunan di Sarawak. Lawatan ini diketuai oleh Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak merupakan urus setia bagi lawatan ini. Ia turut dihadiri oleh Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri (SIMU), Perbendaharaan Malaysia Sarawak, Pejabat Residen/ Daerah, Jabatan Kerja Raya dan pihak konsultan.

**7 April 2017** - Lawatan ke Projek Pembinaan Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak.





# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK BAGI RANCANGAN MALAYSIA KE 11

**10 April 2017** - *Mystery Shopping* YBhg. Datuk bersama Encik Mohd Zaki Bin Mahyudin, Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak.





YBhg. Datuk Mohd Zuki meninjau keadaan di sekitar Kuarters Gunasama Persekutuan Mukah.

**10 April 2017** - Projek Naiktaraf Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching / Serian, Kuching .



# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK BAGI RANCANGAN MALAYSIA KE 11

**11 April 2017** - Projek Pembinaan Sekolah Baharu 20 Bilik Darjah, Asrama 400 pelajar, Rumah Guru 8 unit dan lain-lain kemudahan Sekolah Menengah Kebangsaan Lingga Sri Aman, Sarawak.



YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali bersama ahli-ahli jawatankuasa yang lain.



YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali serta ahli jawatankuasa yang lain mendengar dengan penuh teliti permasalahan yang dibangkitkan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan Pelajaran Cawangan Sarawak, Kementerian Pelajaran.

**11 April 2017** - Projek Pembinaan Jambatan Pusa.





**11 April 2017** - Projek Hospital Sri Aman Sarawak.



# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI (JKPI) AGENSI-AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK

**22 Mei 2017** - Mesyuarat JKPI Bilangan 2 Tahun 2017 diadakan di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak **Lokasi:** Pejabat Wilayah III, Jabatan Penerbangan Awam



### AHLI-AHLI JAWATANKUASA

| | |
|---|---|
| Perbendaharaan Malaysia Sarawak | INTAN Sarawak |
| Jabatan Audit Negara | Jabatan Akauntan Negara Negeri Sarawak |
| Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak | Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak |
| Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak | Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah |
| Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak | Jabatan Kastam Negeri Sarawak |
| Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Sarawak |
| Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak | Biro Pengaduan Awam Negeri Sarawak |

# Lawatan Kerja dan Mesyuarat Rasmi

## LAWATAN KUALITI AGENSI - AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK

**25 Mei 2017** - Lawatan Kualiti Agensi - Agensi Persekutuan Sarawak Ke Jabatan Penerbangan Awam Sarawak



YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali serta ahli-ahli jawatankuasa tekun mendengar penerangan daripada Encik Ling Swee Ing, Pengarah Wilayah III, Jabatan Penerbangan Awam Sarawak.







# Perkongsian Ilmu

## PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM




Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan.

Melalui perkara ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian yang lebih cemerlang. Sehubungan dengan perkara ini, Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam.

Tujuan penubuhan unit ini adalah untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Di samping itu, inisiatif ini juga bertujuan bagi membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 tahun 2013 bagi menjelaskan berkaitan dengan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam. Pekeliling ini telah menetapkan enam (6) fungsi teras unit integriti iaitu :

**6 Fungsi Teras Unit**

| | |
|---|---|
| **Tadbir Urus** | Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan |
| **Pengukuhan Integriti** | Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi |
| **Pengesanan dan Pengesahan** | Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil |
| | Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab |
| **Pengurusan Aduan** | Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran |
| **Pematuhan** | Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa |
| **Tatatertib** | Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib |

# Perkongsian Ilmu

## SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 - PERMOHONAN MELULUSKAN PENYEWAAN RUANG PEJABAT / PREMIS BUKAN MILIK KERAJAAN PERSEKUTUAN

**1**

Permohonan kelulusan Penyewaan Ruang Pejabat Di Premis Bukan Milik Kerajaan Persekutuan adalah selaras dengan Surat **Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011** yang bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan mengenai tatacara permohonan bagi tujuan penyewaan bangunan bukan milik Kerajaan Persekutuan.

**2**

Dalam hal ini, beberapa terma yang diguna pakai adalah seperti:

2.1 **Ruang Pejabat**
Merupakan ruang kosong dalam bangunan yang munasabah dan selesa untuk tujuan penyewaan bagi kegunaan sesuatu jabatan berkaitan dengan fungsi jabatan itu.

2.2 **Tempoh Penyewaan**
Tempoh sewaan ruang pejabat yang diluluskan oleh Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) dengan tempoh sewaan tidak melebihi tiga (3) tahun.

2.3 **Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP)**
Ditubuhkan bagi menimbang dan membuat keputusan ke atas permohonan penyewaan ruang pejabat oleh Kementerian atau Jabatan Kerajaan Persekutuan.

**3**

Mesyuarat JRP diadakan secara berkala dan diurusetiakan oleh:

3.1 **BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH (BPH)**
Untuk Semenanjung Malaysia dan Labuan

3.2 **PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH**
Untuk Negeri Sabah

3.3 **PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**
Untuk Negeri Sarawak



**4**

Bagi Negeri Sarawak, JRP dianggotai oleh:

4.1 **Pengerusi**
Setiausaha Persekutuan Sarawak

4.2 **Ahli-ahli**

4.2.1 Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak Perbendaharaan Malaysia Sarawak atau wakil,

4.2.2 Pengarah Penilaian Negeri Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)atau wakil,

4.2.3 Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG)atau wakil,

4.2.4 Pengarah Keselamatan Negeri Pejabat Keselamatan Kerajaan Negeri Sarawak atau wakil,

4.2.5 Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) Cawangan Sarawak atau wakil,

4.2.6 Pengarah Negeri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau wakil, dan

4.2.7 Pegawai Kemajuan Negeri Pejabat Pembangunan Negeri (SDO) atau wakil.

4.3 **Setiausaha**
Ketua Penolong Setiausaha (KPSU)
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak atau wakil.

**5**

Terdapat 4 jenis penyewaan yang dipertimbangkan oleh JRP iaitu penyewaan baru, berpindah ruang, menambah ruang dan pelanjutan penyewaan. Setiap jenis penyewaan ini menggunakan borang-borang permohonan yang berlainan. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Surat Pekeliling Am Bil.3 Tahun 2011 .

**6**

Permohonan hendaklah mula di proses 6 bulan sebelum tamat tempoh penyewaan dan di kemukakan kepada urus setia JRP di Pejabat SUP Sarawak **TIDAK LEWAT** daripada 3 bulan sebelum tamat tempoh penyewaan pejabat tersebut.

**7**

**Isu dan masalah yang sering dihadapi urusetia:**

**8.1 Kelewatan pihak jabatan/agensi menghantar permohonan;**
**8.2 Permohonan/dokumen tidak lengkap;**
**8.3 Tidak peka terhadap perkara-perkara yang telah ditetapkan dalam pekeliling; dan**
**8.4 Tidak peka terhadap syarat kenaikan harga sewa.**

**8**

Jabatan/agensi yang menghadapi sebarang masalah berkaitan boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai di Unit Pembangunan, BPPH, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.

# Perkongsian Ilmu

## PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA, GARIS PANDUAN LANGKAH - LANGKAH MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN KERAJAAN

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak telah melaksanakan Kawalan Dalaman Pengurusan Kewangan. Ia adalah bertujuan bagi pemantauan perbelanjaan terutama Tuntutan Perjalanan dan Tuntutan Lebih Masa.

**GARIS PANDUAN KAWALAN DALAMAN**

### 1 Tuntutan Perjalanan

